## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 9 JANUARI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4. | BREEDERS LOSE OVER RM3.9m DUE TO FLOODS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4<br>LAGI LADANG TERNAK BABI DI PULAU PINANG DITUTUP, LOKAL, HM -8<br>440 PENTERNAK RUGI LEBIH RM3.9 JUTA AKIBAT BENCANA BAH, LOKAL, HM -13<br>TINGKAT KAWALAN BIOSEKURITI CEGAH DEMAM BABI AFRIKA, NASIONAL, BH -18 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 5.<br>6. | OVER 3,000 AGRICULTURE ENTREPRENEURS BENEFIT FROM JOHOR FOOD SECURITY PROGRAMME, HOME, BORNEO POST (KK) -4<br>BOT NELAYAN JUAL MINYAK DI TENGAH LAUT, NEGARA, KOSMO -14 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 7. | 40 PER CENT EGGS IN KEDAH SUPPLY BY FAMA, KWONG WAH YIT POH -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 8.<br>9.<br>10. | RAKYAT GUSAR KRISIS TELUR AYAM BERLARUTAN, LOKAL, HM -20<br>GOH HOPES GOVERNMENT SOLVE PRICE RISE ON PORK, NATION, CHINA PRESS -A4<br>GUAN ENG SUGGEST GOVT SET CEILING PRICE FOR PORK PRODUCTS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A3 | LAIN-LAIN |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/1/2023 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 4 |

# Breeders lose over RM3.9m due to floods

**KOTA BARU:** A total of 440 breeders nationwide suffered losses amounting to over RM3.9 million due to the floods that occurred last December, said the deputy director-general (Development) of the Veterinary Services Department, Dr Suratan Kamarudin.

He said the losses involved the death of livestock, damaged barns, "homplot" (grass crops) as well as equipment and machinery.

"I hope the government will channel aid to these breeders as had been allocated in previous years.

"The Veterinary Services Department always carries out continuous monitoring and evaluation for the purpose of channelling aid to affected breeders in the livestock industry," he said after handing over post-flood pet food assistance yesterday.

Suratan added that in 2021, the government spent over RM1.6 million to assist 287 breeders nationwide, who were affected by the disaster. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/1/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |

# Lagi ladang ternak babi di Pulau Pinang ditutup

**George Town:** Sebuah lagi ladang ternak babi di Kampung Valdor, Seberang Perai Selatan (SPS), dekat sini, ditutup bermula kelmarin ekoran kes baharu penyakit demam babi Afrika (ASF) dikesan di ladang berkenaan.

Penutupan yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang itu, menjadikan dua kes terkumpul positif ASF membabitkan dua ladang ternakan babi di negeri itu, setakat ini.

Ketua Menteri Chow Kon Yeow berkata, beliau dimaklumkan mengenai kes baharu ASF itu dan tindakan segera diambil untuk menutup ladang berkenaan bagi menjalankan kerja-kerja pelupusan lebih 1,000 ternakan di situ.

"Memandangkan di kawasan Valdor ada 42 ladang ternakan babi, jadi kita putuskan bencana ini dinaikkan taraf daripada daerah kepada negeri kerana pejabat daerah (SPS) mempunyai sumber yang terhad," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival LovePENANG di Padang Kota Lama di sini, malam kelmarin.

Karnival julung kali diadakan itu yang dihadiri ribuan pengunjung adalah gabungan antara festival makanan tempatan, warisan, budaya dan hiburan untuk seisi keluarga.

**Ladang ditutup bagi kerja pelupusan lebih 1,000 ternakan**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/1/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 13 |

# 440 penternak rugi lebih RM3.9 juta akibat bencana bah

**Kota Bharu:** Banjir Monsun Timur Laut pada Disember lalu menyebabkan 440 penternak di seluruh negara mengalami kerugian lebih RM3.9 juta.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Dr Suratan Kamarudin berkata, kerugian berkenaan membabitkan kematian ternakan termasuk lembu, kambing dan biri-biri, kerosakan kandang, kerosakan homplot (tanaman rumput) dan peralatan serta mesin.



DR Suratan (kanan) menyampaikan sumbangan bantuan makanan haiwan ternakan kepada pemilik pada Program Penyerahan Bantuan Makanan Haiwan Kesayangan Pasca Banjir Kelantan.

"Bagi meringankan beban yang dihadapi penternak, kami bersama badan bukan kerajaan (NGO), persatuan haiwan, industri dan orang perseorangan menyalurkan sumbangan kepada pemilik termasuk bantuan makanan untuk haiwan kesayangan.

"Pada 2021, kerajaan membelanjakan lebih RM1.6 juta bagi membantu 387 penternak yang terjejas akibat banjir, manakala tahun lalu pula lebih RM6.7 juta peruntukan digunakan bagi membantu 552 penternak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program Penyerahan Bantuan Makanan Haiwan Kesayangan Pasca Banjir Kelantan di Ibu Pejabat JPV Kelantan di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah JPV Kelantan, Dr Syarifah Asiah Mohd Amin.

Mengulas lanjut, Dr Suratan berkata, selain bantuan, pihaknya juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada penternak, pemilik haiwan dan industri berkaitan penjagaan kesihatan, rawatan serta pencegahan penyakit sekali gus untuk meningkatkan pengeluaran ternakan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/1/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |

# Tingkat kawalan biosekuriti cegah Demam Babi Afrika

## Pemilik ladang digesa ambil langkah bendung penularan penyakit

Oleh Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Pemilik ladang babi dinasihatkan meningkatkan kawalan biosekuriti di ladang ternakan sebagai langkah mencegah Demam Babi Afrika (ASF).

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Dr Suratan Kamarudin, berkata langkah itu dapat mencegah penyakit berkenaan dan merebak.

Katanya, langkah terbabit perlu diambil oleh semua pemilik ladang babi, terutama di Pulau Pinang, Selangor, Perak dan Johor.

"Setakat ini, kes baharu ASF hanya dikesan di Pulau Pinang dan kita masih belum menerima laporan berhubung kes berkenaan di negeri lain.

"Penyakit terbabit datangnya daripada luar dan pihak ladang perlu memastikan tidak ada sumber daripada luar.

"Pengalaman kita yang lalu jangkitan kadang-kadang berlaku daripada sisa makanan dan sisa produk yang dibawa masuk ke ladang," katanya.



*Dr Suratan (kanan) menyerahkan bantuan pada Program Penyerahan Bantuan Makanan Haiwan Kesayangan Pasca Banjir Kelantan di Ibu Pejabat JPV Kelantan, Kota Bharu, semalam.* (Foto Hidayatidayu Razali/BH)

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program Penyerahan Bantuan Makanan Haiwan Kesayangan Pasca Banjir Kelantan di Ibu Pejabat JPV Kelantan di sini, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan penyakit ASF dikesan menjangkiti babi di sebuah ladang babi di Sungai Bakap di Seberang Perai Selatan, dan ladang itu ditutup bagi menghapuskan ternakan di situ.

### 440 penternak rugi RM3.9j

Dalam perkembangan lain, Dr Suratan berkata, banjir akibat Monsun Timur Laut Disember lalu menyebabkan 440 penternak di seluruh negara kerugian lebih RM3.9 juta.

"Bagi meringankan beban yang dihadapi penternak, kami bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan haiwan, industri dan orang perseorangan menyalurkan sumbangan kepada pemilik, termasuk bantuan makanan untuk haiwan," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Over 3,000 agriculture entrepreneurs benefit from Johor Food Security programme | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 09 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 4 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 120 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 669 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,007 |



# Over 3,000 agriculture entrepreneurs benefit from Johor Food Security programme

**JOHOR BAHRU:** A total of 3,677 entrepreneurs in various agrofood sub-sectors have received benefits under the National Economic Recovery Plan (PENJANA) (2021-2022), through 25 programmes and projects under the Johor Food Security initiative.

State Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman, Datuk Zahari Sarip said the programmes include Agricultural Productivity Improvement; Agricultural Mechanisation Technology Ownership; Collaboration between Leading Companies and Entrepreneurs; Community Farming and Ruminant Hub Development.

"The Johor government, through the state Food Security Committee, will continuously monitor the progress of the implementation of these projects for optimum impact," he said in a statement on the State Food Security Programme Implementation Report yesterday.

According to him, the report was tabled at the State Food Security Committee meeting, chaired by Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi, on Dec 29 last year.

Zahari said that the implementation of the projects under the programme was done through RM34.56 million in allocations from the Finance Ministry.

He said that six state agencies received allocations, namely the Agriculture Department with RM16.6 million, the Veterinary Department (RM5.5 million), the Fisheries Department (RM2 million), the Malaysian Pineapple Industry Board (RM9 million), the Farmers' Organisation Authority (RM500,000) and the Malaysian Fisheries Development Authority (RM900,000).

According to him, the programme aims to promote and strengthen the activities of the agriculture and food sector in Johor, which is affected by the Covid-19 pandemic. — Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/1/2023 | KOSMO | NEGARA | 14 |

Tiada lagi aktiviti tangkap ikan, bahan bersubsidi dijual sehingga RM4 seliter

# Bot nelayan jual minyak di tengah laut

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**LANGKAWI** – Sebilangan bot nelayan tempatan kini telah mengubah aktiviti mereka di tengah laut daripada menangkap ikan kepada urus niaga haram dengan menjual minyak diesel bersubsidi kepada warga asing.

Modus operandi itu mula dikesan sejak tiga bulan lalu susulan permintaan tinggi bahan bersubsidi berkenaan terutama dalam kalangan penyeludup warga Thailand.

Kegiatan penyeludupan itu dipercayai didalangi sesetengah pengusaha bot Kelas C dengan setiap nelayan yang terlibat menerima upah sebanyak RM100 bagi setiap tugasan.

Kadar bayaran itu sama dengan upah turun ke laut bagi menangkap ikan.

Pengusaha bot disyaki melakukan kegiatan tersebut bagi mendapatkan wang mudah dengan menjual diesel bersubsidi yang diperoleh pada harga kira-kira RM1.67 seliter kepada warga Thailand pada harga RM4 seliter.

Difahamkan, diesel bersubsidi yang dibeli berkenaan bukan hanya untuk pasaran Thailand, tetapi turut dijual semula kepada penyeludup dari Myanmar pada harga antara RM6 hingga RM7 seliter.



ROMLI (kanan) menunjukkan tangki yang diubah suai di dalam bot nelayan bagi melakukan aktiviti penyeludupan minyak diesel bersubsidi di Kangar baru-baru ini.



ROMLI

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Romli Mustafa berkata, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) bagaimanapun berjaya membongkar kegiatan yang menyalahi undang-undang itu sejak Oktober lalu.

"Kegiatan penyeludupan ini memang licik kerana mereka berselindung di sebalik aktiviti menangkap dan menggunakan bot nelayan seperti biasa.

"Namun, kita berjaya menghidu kegiatan haram tersebut apabila menemui pengubahsuaian serta tambahan tangki yang dibuat pada bot disyaki untuk tujuan penyeludupan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Ibu Pejabat Maritim Negeri Kedah dan Perlis di Jalan Bukit Malut, di sini baru-baru ini.

Kata beliau, bot nelayan terlibat disyaki akan mengambil minyak subsidi itu di jeti yang dilesenkan dan turun ke laut dengan peralatan seadanya, kebiasaannya pada sebelah petang.

"Menjelang pukul 11 malam ke atas, bot akan belayar berdekatan sempadan perairan negara dengan tekong atau ejen akan menghubungi orang tengah bagi menunggu di sempadan.

"Bot itu kemudian akan memasuki perairan negara jiran bagi mengelak penguat kuasa mengesan kegiatan tersebut sebelum bot dari negara jiran akan merapat sebelum operasi pindah minyak terus dilakukan," ujarnya.

Katanya, kerja-kerja pemindahan minyak dipercayai mengambil masa antara sejam hingga sejam setengah bergantung kepada jumlah minyak dipindahkan sebelum bot akan masuk semula ke perairan Malaysia dan pulang ke jeti.

Menurutnya, hasil pemerhatian mendapati, peralatan menangkap ikan pada bot terlibat seperti papan tunda telah berkarat seperti sudah lama tidak digunakan.

"Begitu juga pukat yang mana ia didapati kering, sekali gus menunjukkan nelayan berkenaan tidak menjalankan aktiviti menangkap ikan," jelasnya.

Sementara itu, kata beliau, berdasarkan maklumat risikan dan hasil siasatan ke atas tangkapan bot minyak itu, kegiatan tersebut didapati semakin serius dan membimbangkan.

"APMM mencatat sebanyak tujuh kes tangkapan berkaitan kegiatan penyeludupan diesel di perairan Kedah dan Perlis sejak Oktober lalu yang mana tiada kes seumpama ini berlaku pada tahun lalu.

"Jumlah keseluruhan diesel yang dirampas adalah sebanyak 47,950 liter iaitu bernilai kira-kira RM191,800 mengikut harga diesel industri," katanya.

Jelasnya lagi, nelayan yang ditahan terdiri daripada warga tempatan, Thailand, dan Kemboja berusia antara 25 hingga 50 tahun.

Tambahnya, siasatan kesalahan penyeludupan diesel dilakukan di bawah Seksyen 20 dan 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu menyimpan barang-barang kawalan tanpa kebenaran yang sah.

"Siasatan juga dijalankan di bawah Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat dalam lesen yang dikeluarkan iaitu mengubah suai struktur simpanan bahan api tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," jelas Romli.

isentia
AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: A10b PRINTED SIZE: 90.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,009.00 ITEM ID: MY0051010479



09 JAN, 2023

# 40 per cent eggs in Kedah supply by FAMA

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia



## 依沙韩查：应对消费者需求

# 吉40%鸡蛋由FAMA供应



依沙韩查（右 2）巡视农民市集，以了解鸡蛋销售情况。

（亚罗士打 8 日讯）吉打州联邦农业销售局（FAMA）主任依沙韩查指出，州内约 40% 或 15 万个鸡蛋由该局供应分配，以应对消费者的需求。

他说，该局在去年 12 月 27 日至 28 日，首阶段已分配 10 万 5000 个鸡蛋；至于第 2 阶段的 4 万 5000 个鸡蛋，则从本月 5 日至 8 日开始分配。

"在第 2 阶段，多达 5000 托鸡蛋，分别有 A、B、C 级、Omega-3，以及甘榜鸡蛋。消费者可在农民市集、该局行动中心等地方，买到有关鸡蛋。"

他是于周日在默贡英雄园巡视农民市集鸡蛋特别销售日活动后，在记者会上如此表示。

此外，依沙韩查说，今次活动获得不错的反应，不到一小时，B 级鸡蛋已售完。

他透露，该局也将设法在下周从马六甲供应商引进 15 万个鸡蛋，以确保吉州鸡蛋供应足够。#

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: A10b PRINTED SIZE: 90.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,009.00 ITEM ID: MY0051010479



09 JAN, 2023

# 40 per cent eggs in Kedah supply by FAMA

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia



## SUMMARIES

(亚罗士打8 日 讯） 吉打州联邦农业销售局（FAMA)主任依沙韩查指出， 州内约40%或15万个鸡蛋由该局供应分配，
以应对消费者的需求。他说， 该局在去年1 2 月2 7 日至28 日， 首阶段已分配1 0 万5 0 0 0 个鸡蛋•至于第2 阶段^4 ^ 5 0 0 0 ^ ^
依沙韩查（ 右2）巡视农民市集， 以了解鸡蛋销售情况。蛋， 则从本月5 日至8 日开始分配。 此表示。“在第

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/1/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 20 |

# Rakyat gusar krisis telur ayam berlarutan

**Kuala Lumpur:** Krisis bekalan telur ayam terus membelenggu orang ramai apabila masih sukar didapati di pasaran sekali gus menimbulkan kebimbangan terutama apabila musim perayaan bakal menjelang tidak lama lagi.

Tinjauan Harian Metro di beberapa pasar raya dan kedai runcit di ibu kota, semalam mendapati tiada telur ayam dalam satu papan dijual menyebabkan pelanggan terpaksa membeli telur ayam Omega yang dijual pada harga antara RM7 hingga RM8 bagi 10 biji.

Peniaga, Rohana Rusdi, 42, berkata dia masih sukar untuk membeli telur papan dan terpaksa mencari ke beberapa kedai.

"Telur ayam papan selalu habis, harga pula semakin mahal. Sebelum ini Gred B harga dalam RM13.90 sepapan, sekarang Gred D berharga RM15.60.

"Nak beli telur Omega pula mahal dan hanya 10 biji, anak saya suka makan telur jadi memang kena beli sepapan (30 biji) lebih jimat. Telur ayam import setakat ini saya tak jumpa lagi," katanya.

> *"Sebelum ini Gred B harga dalam RM13.90 sepapan, sekarang Gred D berharga RM15.60"*
>
> *Rohana Rusdi*

Bagi suri rumah, Erni Harlini Zulkifli, 39, dia terpaksa membeli telur ayam Omega walaupun mahal.

"Saya tiada pilihan, lagipun, sekarang saya selalu masak makanan yang tidak berasaskan telur sebagai alternatif. Justeru, saya harap sangat masalah bekalan telur ayam dapat ditangani segera kerana ia sudah lama berlaku dan seperti tiada kesudahan.

"Isu ketiadaan telur ayam papan selalunya terjadi bermusim, tapi kali ini saya lihat bekalan telur putus lebih teruk berbanding sebelum ini dan pengguna yang akan 'sakit' setiap kali menjelang perayaan," katanya.



PEKERJA kedai pembekal telur ayam membawa bekalan untuk dijual kepada pelanggan tetap susulan kekurangan bahan itu di pasaran ketika tinjauan di Seri Kembangan. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

Katanya, dia berharap kerajaan dan agensi berkaitan dapat mengotakan janji untuk menangani masalah bekalan telur ayam papan ini kerana telur import juga sukar dijumpai.

Sementara itu, pembekal telur yang mahu dikenali sebagai Chan berkata, pihaknya juga menghadapi kekurangan bekalan telur ayam, malah stok yang sampai hanya dapat memenuhi permintaan pelanggan tetap

"Setiap hari, telur ayam Gred E saja tinggal dan semua gred lain cepat habis. Sekarang Gred E kami jual pada harga RM11.40 sepapan dan telur ayam kampung Gred B RM17.40," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Goh hopes government solve price rise on pork | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 09 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A4 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 181 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,570 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,710 |





■吴添泉（左5起）与陈泓缣交流，左7起为黄小娟、黄世芳和蔡顺平。

# 吴添泉冀中央與州政府
# 齊解豬肉漲價問題

（亚庇8日讯）华总会长丹斯里吴添泉希望中央政府和州政府，共同努力解决生猪及猪肉价格上涨问题，确保华裔在农历新年期间获得足够供应和稳定的价格。

他说，一旦更多中国游客在今年到我国旅游，猪肉需求量也会增加，有关方面应该做好准备。

“不论是国内或是沙州的生猪供应以及猪肉价格，在过去一年平均都出现超过10次的调涨，尤其是沙州方面，经被形容为全国价格最高的一州。”

吴添泉也是沙巴中华大会堂总会长。他昨日为沙巴亚庇华人同乡会会馆联合会主办的癸卯年新春龙麒狮大团拜文化村展览，及儿童填色比赛主持开幕时，如是指出。

出席者包括农业及粮食安全部副部长陈泓缣、中国驻亚庇总领事黄世芳、亚庇华人同乡会馆联合会总会长拿督黄小娟和筹委会主席拿督蔡顺平等。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Guan Eng suggest govt set ceiling price for pork products | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 09 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A3 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 111 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,245 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,735 |



# 建议猪肉列统制品设顶价

## 林冠英：让每个家庭新春期能吃到

（北海8日讯）峇眼区国会议员林冠英呼吁联邦政府，在农历新年期间将猪肉列为统制品设顶价，以便在百货高涨的时刻，让每个家庭能在新春期间有能力吃到猪肉，买到猪肉。

“我在一周前向农业及粮食安全部长莫哈末沙布，以及在两三天前会见国内贸易及生活费部长拿督斯里沙拉胡丁反映此事，目前还在等他们的消息。”

他希望该措施能尽快落实，让生猪肉也与其他统制品一样，在佳节7天前及7天后，其价格受到控制。

他相信这项措施多少也能帮助到猪肉贩，因为现在的猪肉太贵，他们的生意也受影响。

林冠英是在周日上午，出席北海龙昆体育会醒狮点睛仪式时如此表示。

他说，目前沙巴及砂拉越已有实施上述措施，大马半岛则未有类似措施，如果西马也能实行，将是首创。

他说，猪农目前面对饲料原料涨价的沉重负担是可以理解，所以他没有提议长期将猪肉列为统制品，只是希望来临的农历新年，政府可以设立这个新机制，于新年前后7天设立猪肉顶价。

### 杨式丰冀州内华小设醒狮组献力

北海龙昆体育会总务杨式丰希望州内华小都能设立醒狮组，为推定中华文化尽一份力。

他强调，只有更多人成为醒獅组一员，地方领袖才有动力推动醒獅文化事业。

他也邀请北海区多所学校的教师出席点睛仪式，让教师们了解醒狮是健康的活动，只要学生把时间分配的好，绝对不会影响学业的进度。#



林冠英出席北海龙昆体育会醒獅点睛仪式。